



16 MAR, 2024

FAMA sasar jualan RM1.5 juta

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA sasar jualan RM1.5 juta

SHAHRUL QAIZAT

KUCHING: Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta bagi Bazar Ramadan Madani Medan Niaga Satok pada tahun ini.

Pengarah FAMA Sarawak, Ramli Mat Sani dalam kenyataan berkata, Bazar Ramadan dan Medan Niaga Satok yang telah memasuki tahun ke-10 pengjurannya itu, kali ini disertai oleh 72 usahawan.

"Kami (FAMA) tahun ini membuka tiga bazar Ramadan di Sarawak. Iaitu bazar Ramadan Madani Medan Niaga Satok, Bazar Ramadan Pasar Tani Kekal Permai Sibu dan Bazar Ramadan Pasar Tani Medan Betong.

Seramai 142 usahawan melibatkan diri dalam ketiga-tiga bazar yang dianjurkan FAMA tahun ini bagi memberi perlungan kepada pengguna mendapatkan pelbagai barang keperluan dan juadah untuk berbuka puasa.

Menariknya di Bazar Ramadan Madani Medan Niaga Satok pada hari ini, FAMA mengadakan

kan promosi dan agihan bubar lambuk kepada pengunjung," katanya dalam satu kenyataan.

Majlis perasmian bazar tersebut dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tupong, Fazzrudin Abdul Rahman.

Pada majlis sama, seramai 16 anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Baiturrahman Kuching dan 13 orang daripada golongan asnaf menerima bantuan berupa wang tunai dan makanan.

Menurut Fazzrudin, bantuan tersebut adalah daripada agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan iaitu FAMA, Lembaaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Agrobank dan Persatuan Nelayan Sarawak (Panesa).

Mengulas mengenai harga

barang di bazar yang kian melonjak khususnya di bazar-bazar ramadan, Fazzrudin menyatakan bahawa beliau yakin bahwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Koa Sarawak Hidup (KPDN) akan sentiasa memantau kadar harga di bazar.

"Seperti yang saya sering baca di surat khabar dan kaca televisyen, mereka akan sentiasa memantau kadar harga di bazar.

"Di sini (Bazar Ramadhan)

dan MADANI Medan Niaga Satok) saya tidak pasti jika ada pemantauan atau tidak tetapi saya yakin, sekiranya mereka (KPDN) mendapat aduan, mereka akan membuat pemeriksaan," ujarnya.

POTONG REBEN...

Fazzrudin Abdul Rahman menyempurnakan simbolik perasmian Bazar Ramadan MADANI Medan Niaga Satok, Kuching semalam.

• Foto HERRIEY NAHA





16 MAR, 2024

FAMA sasar jualan RM1.5 juta

—
Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta bagi Bazar Ramadan Madani Medan Niaga Satok pada tahun ini. »Pengarah FAMA Sarawak, Ramli Mat Sani dalam kenyataan berkata, Bazar Ramadan Medan Niaga Satok yang telah memasuki tahun ke-10 penganjurannya itu, kali ini disertai oleh 72 usahawan."Kami (FAMA) tahun ini membuka tiga bazar Ramadan di Sarawak.